**MODUL PINTAS PERCUBAAN SPM TAHUN 2026**

# PERATURAN PEMARKAHAN
# TASAWWUR ISLAM
# TINGKATAN 5

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

**BAHAGIAN A**
[*20 markah*]

| NO. SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|
| 1. | Qadak |
| 2. | Insan |
| 3. | Fai’ |
| 4. | Integriti |
| 5. | Mengabdikan |
| 6. | Akal |
| 7. | Tabarru’ |
| 8. | Syura |
| 9. | Ikhlas |
| 10. | Amanah |
| 11. | Takaful / Insuran Islam |
| 12. | Baitulmal |
| 13. | Alam Roh |
| 14. | Alam Dunia |
| 15. | Keadilan / *Al-’Adalah* |
| 16. | Kebebasan / *Al-Hurriyyah* |
| 17. | X |
| 18. | ✓ |
| 19. | X |
| 20. | ✓ |

**BAHAGIAN B**

[*80 markah*]

Calon dikehendaki menjawab **EMPAT** soalan sahaja.

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>(a)</td><td></td><td><u>Empat Rukun Islam</u> :<br><br>● Mengucap dua kalimah syahadah.<br>● Menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam.<br>● Mengeluarkan zakat.<br>● Berpuasa pada bulan ramadan.<br>● Mengerjakan haji bagi mereka yang mampu.</td><td>(4 isi x 1 m)</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td><u>Allah SWT mengutuskan rasul kepada manusia untuk</u> :<br><br>● Menyeru manusia mentauhidkan / menyembah Allah (1m) agar mendapat keredaanNya . (1m)<br>● Mengajar manusia cara beribadat yang betul (1m) seperti solat. (1m)<br>● Menunjukkan cara hidup yang benar / lengkap (1m) agar memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. (1m)<br>● Menjadi contoh / teladan akhlak mulia (1m) seperti saling hormat menghormati. (1m)</td><td>(2 isi x 1 m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td><u>Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya pelajar tidak mengamalkan sifat al-Amanah yang ada pada rasul</u> :-<br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>● Menyatakan satu pandangan sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>● Menjelaskan pandangan.<br>● Huraian ringkas.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>● Menghuraikan pandangan.<br>● Huraian yang lengkap.<br>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>● Menghuraikan pandangan.<br>● Huraian yang lengkap.<br>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>1m</td></tr>
</table></td><td>(4m)</td></tr>
</table>

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | <ul><li>Rumusan / kesimpulan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</li></ul><br>**Cadangan Jawapan :-**<br>Hilang kepercayaan guru / rakan (F) kerana tidak bersikap jujur / suka menipu (H1). Kesannya pelajar tidak akan disenangi oleh guru / rakan (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dalam kehidupan (H3).<br>**Cadangan Isi :-**<br>● Masa depan terjejas.<br>● Prestasi pelajar merosot.<br>● Dipulaukan oleh rakan-rakan.<br>● Terlibat dengan gejala negatif .<br>● Nama baik diri / keluarga tercemar.<br>**Jawapan munasabah diterima.** | |
| | (c) | | **<u>Dua prinsip asas sistem ekonomi Islam</u> :**<br>● Keadilan sosial.<br>● Pekerjaan dan ganjaran.<br>● Manusia sebagai khalifah.<br>● Keuntungan dan kerugian.<br>● Larangan kerosakan / kezaliman.<br>● Akidah, syariah dan akhlak sebagai teras. | (2 isi x 1m) |
| | (d) | | **<u>Dua peranan pekerjaan menurut Islam</u> :**<br>● Memenuhi tuntutan ibadah kepada Allah SWT (1m) agar dapat menunjukkan ketaatan kepada-Nya (1m).<br>● Menunaikan tanggungjawab (1m) bagi memenuhi keperluan asasi kehidupan individu / keluarga (1m).<br>● Meningkatkan taraf sosioekonomi individu / masyarakat / negara (1m) agar memperoleh pendapatan yang lebih baik (1m) . | (2 isi x 2m) |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | ● Meningkatkan pembangunan ekonomi negara (1m) untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan (1m). | |
| | (e) | | **<u>Dua keistimewaan sistem ekonomi Islam</u> :**<br><br>● Berteraskan nilai / akhlak Islam (1m) seperti jujur (1m).<br>● Sistem yang lengkap / menyeluruh / bersifat syumuliyyah (1m) yang merangkumi semua aspek kehidupan (1m).<br>● Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat (1m) agar memperoleh keredaan Allah SWT (1m).<br>● Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam (1m) agar menjauhi perkara yang dilarang dalam Islam (1m).<br>● Memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (daruriyyat) / keperluan (hajiyyat) berbanding barangan mewah (tahsiniyyat) (1m) supaya kebajikan masyarakat dapat dipenuhi (1m).<br>● Bersifat ‘alamiyyah (1m) kerana sesuai diamalkan sepanjang zaman (1m).<br>● Bersifat waqi’iyyah (1m) kerana mampu diamalkan oleh semua manusia (1m).<br>● Bersifat Rabbaniyyah (1m) yang berpandukan ajaran / wahyu daripada Allah SWT (1m). | (2 isi x 2m) |
| 2. | (a) | | **<u>Dua tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan</u> :**<br><br>● Adil (1m) seperti yang di perintahkan Allah SWT. (1m)<br>● Menjauhi kezaliman (1m) seperti tidak mencuri / tidak berzina (1m).<br>● Melaksanakan amanah (1m) dengan penuh tanggungjawab. (1m)<br>● Menjaga sikap / tingkah laku / memupuk akhlak mulia / menjaga kesucian diri (1m) seperti berdisiplin. (1m).<br>● Menjadikan keluarga dibina atas ketaqwaan / kasih sayang (1m) agar kehidupan menjadi tenteram. (1m)<br>● Mengambil berat / membantu / membimbing rakan- rakan (1m) supaya mereka sentiasa positif melakukan kebaikan. (1m)<br><br>**Jawapan munasabah diterima.** | (2 isi x 2m) |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | **<u>Dua fungsi akal</u>** :<br><br>● Memikirkan kejadian makhluk / alam.<br>● Memahami / membuktikan kebenaran Islam.<br>● Memahami / memikirkan wahyu / firman Allah SWT.<br>● Memahami hakikat kebesaran / kekuasaan Allah SWT.<br>● Membezakan antara perkara kebenaran (hak) dengan perkara kesesatan (batil).<br>● Mempelajari cara-cara untuk mendekat diri / beribadat kepada Allah SWT. | (1 isi x 1m) |
| | | (ii) | **<u>Dua kedudukan akal dalam kehidupan manusia</u>** :<br><br>● Kurniaan Allah SWT yang paling sempurna kepada manusia (1m) kerana manusia merupakan makhluk yang istimewa disisi Allah SWT. (1m)<br>● Membantu memahami kandungan wahyu (1m) agar setiap perintah / larangan dapat dipatuhi. (1m)<br>● Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu (1m) agar tidak terpesong dari kebenaran. (1m)<br>● Menjadi syarat penerimaan taklif syariat Islamiah (1m) bagi manusia yang sempurna akal. (1m)<br>● Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu perkara (1m) seperti perkara ghaib. (1m). | (4m) |
| | (c) | (ii) | **<u>Dua kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan</u> :**<br><br>● Menjaga akidah umat Islam daripada terpesong (1m) seperti tiada unsur-unsur syirik / kufur dan sebagainya. (1m)<br>● Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan membahayakan nyawa (1m) agar manusia dapat hidup dalam keadaan selamat dan sejahtera. (1m)<br>● Memastikan akal manusia terpelihara daripada perkara-perkara yang merosakkan pemikiran (1m) seperti terlibat dalam penyalahgunaan dadah. (1m)<br>● Melahirkan zuriat yang halal hasil dari perkahwinan yang mengikut syarak (1m) bagi menjamin keturunan yang suci / sah. (1m) | (2 isi x 1m) |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>• Memperoleh harta secara halal tanpa berlaku pencerobohan harta (1m) seperti kes rompakan / kecurian (1m).</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td>(i)</td><td><u>Dua bentuk hukuman bagi jenis kesalahan yang terdapat dalam petikan selain di atas</u> :<br>• Sita<br>• Denda<br>• Penjara<br>• Buang daerah<br>• Nasihat / tegahan<br>• Dipulaukan<br><br>Jawapan munasabah diterima.</td><td>(4m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td><u>Implikasi jika hukuman dalam petikan atas diabaikan oleh umat Islam</u> :<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>• Menyatakan satu pandangan sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menjelaskan pandangan.<br>• Huraian ringkas.</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan pandangan.<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan pandangan.<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan / kesimpulan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>1m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan :<br><br>Maksiat akan berleluasa (F) kerana manusia tidak takut untuk melakukannya (H1). Kesannya, akan lahir keturunan yang tak sah taraf dalam masyarakat (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berusaha menjauhkan diri dari larangan Allah SWT (H3).</td><td>(2 isi x 2m)</td></tr>
</table>

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan isi :**<br><br>● Lahirnya anak tak sah taraf.<br>● Hukum agama akan diperlekehkan.<br>● Umat Islam semakin berani melakukan dosa.<br>● Kes melibatkan salahlaku seksual semakin meningkat.<br>● Maruah diri / keluarga tercemar.<br>● Maksiat dilakukan secara terbuka.<br><br>**Jawapan munasabah diterima.** | |
| 3. | (a) | | **<u>Dua adab dan etika Sistem Sosial Islam :</u>**<br><br>● Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa (1m) bagi mewujudkan negara yang aman. (1m)<br>● Perhubungan atas dasar iman / takwa kepada Alah SWT (1m) bagi mendapat keredaan-Nya. (1m)<br>● Menghormati kepelbagaian budaya / adat resam (1m) bagi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat. (1m)<br>● Berpandukan al-Quran / al-Sunnah (1m) bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam masyarakat. (1m)<br>● Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu (1m) bagi melahirkan masyarakat yang saling bantu-membantu. (1m) | (2 isi x 2m) |
| | (b) | (i) | **<u>Faktor / Punca masih berlaku keganasan rumahtangga</u> :**<br><br>● Penyalahgunaan bahan terlarang (1m) seperti dadah (1m).<br>● Masalah tekanan hidup / ekonomi (1m) seperti beban hutang / pengangguran / kos sara hidup / tekanan kerja. (1m)<br>● Kurang didikan agama / nilai murni dalam diri (1m) menyebabkan seseorang itu gagal mengawal emosi / tidak memahami tanggungjawab sebagai suami / isteri / ahli keluarga. (1m)<br><br>**Jawapan munasabah diterima.** | (1 isi x 2m) |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | ii) | **<u>Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seorang suami bagi melahirkan rumahtangga yang bahagia</u> :**<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>● Menyatakan satu pandangan sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>● Menjelaskan pandangan.<br>● Huraian ringkas.</td><td>1m</td></tr><tr><td>● Menghuraikan pandangan.<br>● Huraian yang lengkap.<br>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>1m</td></tr><tr><td>● Menghuraikan pandangan.<br>● Huraian yang lengkap.<br>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>● Rumusan / kesimpulan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>1m</td></tr></table><br>**Cadangan jawapan** :<br><br>Menyediakan keperluan asas (F) seperti makanan / minuman / pakaian / tempat tinggal (H1). Kesannya, akan lahir keluarga yang aman / harmoni / bahagia (H2). Kesimpulannya setiap ahli keluarga perlulah berusaha melaksanakan tanggungajawab masing-masing dengan sempurna (H3).<br><br>**Cadangan isi** :<br>● Melindungi ahli keluarga.<br>● Berlaku adil jika berpoligami.<br>● Berperanan sebagai pemimpin keluarga.<br>● Memberi pendidikan yang sempurna kepada ahli keluarga.<br>● Memastikan setiap ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT / menjauhi larangan-Nya.<br><br>**Jawapan munasabah diterima.** | (4m) |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | **<u>Dua asas pentadbiran dan pengurusan pada zaman Rasulullah SAW</u> :**<br><br>● Melaksanakan syura dalam menguruskan pentadbiran.<br>● Islam dijadikan dasar pentadbiran / pengurusan negara.<br>● Akidah Islamiah dijadikan pegangan dalam urusan pentadbiran.<br>● Piagam Madinah dijadikan sebagai perlembagaan pentadbiran / pengurusan. | (2 isi x 1m) |
| | | (ii) | **<u>Dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik</u> :**<br><br>● Amanah (1m) dengan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin. (1m)<br>● Inovatif (1m) dengan menjana idea baharu ke arah kemajuan. (1m)<br>● Ikhlas (1m) iaitu melakukan pekerjaan dengan tulus / sepenuh hati. (1m)<br>● Beriman (1m) agar dapat mentadbir dengan penuh ketakwaan / tanggungjawab. (1m)<br>● Berwawasan (1m) iaitu mempunyai perancangan untuk memajukan organisasi pentadbirannya. (1m)<br>● Integriti (1m) iaitu bersikap telus dalam melaksanakan tadbir urus sesebuah masyarakat / negara. (1m)<br>● Positif (1m) dengan berfikiran terbuka terhadap perubahan / cadangan / teguran / nasihat ke arah kebaikan. (1m)<br>● Dinamik (1m) iaitu berupaya menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi untuk melaksanakan pembaharuan. (1m) | (2 isi x 2m) |
| | | (iii) | **<u>Dua kepentingan melaksanakan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam kepada negara</u> :**<br><br>● Meneladani tadbir urus negara di zaman Rasulullah (1m) agar keadilan dapat ditegakkan. (1m)<br>● Membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur / menepati syarak(1m) agar negara aman damai. (1m)<br>● Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien / efektif / menjadi contoh kepada negara lain (1m) agar kebajikan rakyat terbela. (1m) | (2 isi x 2m) |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 4. | (a) | (i) | **<u>Pengertian Thabat</u>** :<br><br>Tetap / teguh (1m) iaitu perkara yang tetap (qat'iyy), tidak boleh diubah dasar / prinsip / pelaksanaannya menurut Islam. .(1m)<br>**Contoh** :<br>● Ketetapan hukum syariah /hudud / qisas / diat / takzir.<br>● Ibadat khusus / solat fardu / puasa / haji / zakat.<br>● Akidah / kepercayaan / keyakinan terhadap Allah SWT. | (1 isi x 2m)<br><br><br><br>(2 isi x 1m) |
| | | (ii) | **<u>Dua ciri prinsip Thabat</u> :**<br><br>● Ketetapan hukum syariah.<br>● Ibadat khusus telah ditetapkan cara pelaksanaannya oleh syariat Islam.<br>● Akidah / kepercayaan / keyakinan terhadap Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Esa / tiada sekutu bagi-Nya. | (2 isi x 1m) |
| | | (iii) | **<u>Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam</u> :**<br><br>● Kesimbangan dari sudut rohani / jasmani (1m) bagi melahirkan mukmin sejati. (1m)<br>● Rahmat bagi sekalian alam (1m) yang meliputi semua makhluk. (1m)<br>● Mementingkan budaya ilmu (1m) agar dapat membina tamadun. (1m)<br>● Sesuai dengan peranan sebagai khalifah (1m) agar hidup sejahtera. (1m)<br>● Bersifat jelas / praktikal (1m) kerana berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. (1m)<br>● Sesuai dengan fitrah / akal manusia (1m) kerana bersumberkan wahyu. (1m) | (2 isi x 2m) |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td><u>Empat jenis muamalat selain di atas</u> :<br><br>● Takaful<br>● Al-Rahnu<br>● Al-Wadi'ah<br>● Al-Mudarabah<br>● Al- Murabahah<br>● Al- Musyarakah<br>● Al-Bai'Bithaman Ajil</td><td>(4 isi x 1m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td><u>Kebaikan al-Ijarah kepada masyarakat :</u><br><br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>● Menyatakan satu pandangan sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>● Menjelaskan pandangan.<br>● Huraian ringkas.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>● Menghuraikan pandangan.<br>● Huraian yang lengkap.<br>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>● Menghuraikan pandangan.<br>● Huraian yang lengkap.<br>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>● Rumusan / kesimpulan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>1m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan jawapan :<br>Al-Ijarah dapat membantu golongan yang memerlukan (1m) kerana ia menawarkan bayaran secara berkala (1m). Contohnya seperti rumah sewa dengan kadar yang berpatutan (1m). Kesannya ia dapat mewujudkan masyarakat yang sejahtera. (1m).<br><br>Cadangan isi :<br><br>● Mengurangkan beban kewangan<br>● Memudahkan urusan kehidupan seharian</td><td>(4m)</td></tr>
</table>

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| | | | ● Memberi peluang kepada golongan miskin memenuhi keperluan<br><br>**Jawapan munasabah diterima.** | |
| | | (iii) | <u>**Kesan pengabaian muamalat Islam dalam kehidupan**</u> **:**<br><br>● Dilaknat oleh Allah (1m) kerana ingkar suruhan syariat. (1m)<br>● Jiwa menjadi resah (1m) kerana takut harta ditipu. (1m)<br>● Berlaku penindasan dalam masyarakat (1m) seperti riba. (1m)<br>● Masyarakat tidak aman / huru hara (1m) kerana berlaku permusuhan. (1m)<br>● Ekonomi negara merosot (1m) kerana tidak diberkati Allah SWT. (1m)<br>● Negara akan terjebak dalam krisis hutang yang tinggi (1m) kerana mengamalkan sistem riba. (1m)<br><br>**Jawapan munasabah diterima** | (1 isi x 2m) |
| 5 | (a) | | <u>**Asal kejadian Nabi Adam a.s**</u> **:**<br><br>● Asal kejadian : Tanah<br>● Gelaran : Abu al-Basyar | <br><br>(1 isi x 1m)<br>(1 isi x 1m) |
| | (b) | (i) | <u>**Dua cara memupuk persaudaraan sesama rakan**</u> **:**<br><br>● Memberi nasihat<br>● Mengambil berat / prihatin<br>● Bantu - membantu / tolong- menolong<br>● Membimbing rakan-rakan sentiasa positif<br><br>**Jawapan munasabah diterima** | (2 isi x 1m) |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Cara **persaudaraan Islam dapat melahirkan seorang pelajar yang bertanggungjawab dalam kehidupan :** | ( 4m ) |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. | 1m |
| • Menjelaskan pandangan.<br>• Huraian ringkas. | 1m |
| • Menghuraikan pandangan.<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 1m |
| • Menghuraikan pandangan.<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan / kesimpulan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 1m |

**Cadangan Jawapan :-**

Pelajar perlu mempunyai sikap prihatin terhadap rakan / masyarakat. (1m) Sebagai contoh, pelajar membantu rakan yang menghadapi masalah pelajaran / kewangan tanpa mengharapkan balasan. (1m) Hal ini dapat mengelakkan sikap mementingkan diri sendiri. (1m) Kesimpulannya, kita mestilah mengamalkan ukhuwah Islamiyah. (1m)

**Cadangan Isi :-**

- Mengamalkan nilai murni / akhlak mulia
- Saling menghormati antara satu sama lain
- Mengamalkan semangat muhibbah / kasih sayang
- Saling tolong menolong / bekerjasama / bantu membantu.

**Jawapan munasabah diterima**

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | **Tanggungjawab insan terhadap alam** :<br><br>● Mentadbir / memakmurkan alam secara terancang (1m) agar flora / fauna terpelihara. (1m)<br>● Memelihara alam (1m) seperti tidak membuang sampah merata-rata. (1m)<br>● Memulihara alam (1m) bagi menjaga kelangsungan hidup flora / fauna. (1m)<br>● Menggunakan sumber alam secara bijaksana / efektif / efisyen (1m) supaya tidak membazir. (1m)<br><br>**Jawapan munasabah diterima** | (1 isi x 2m) |
| | (d) | (i) | **Dua matlamat sistem kehakiman** :<br><br>● Menentang kezaliman (1m) yang boleh menggugat keamanan masyarakat. (1m)<br>● Menegakkan keadilan (1m) iaitu tanpa mengira darjat / pangkat / keturunan / agama. (1m)<br>● Membela orang yang dizalimi (1m) agar maruah / harta / nyawa dikembalikan haknya. (1m) | (2 isi x 2m) |
| | | (ii) | **Dua etika hakim dalam Islam :**<br><br>● Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak (1m) supaya wujud keadilan. (1m)<br>● Hakim hendaklah jujur / amanah ketika bertugas (1m) seperti tidak menerima rasuah. (1m)<br>● Hakim dilarang mensabitkan kesalahan jika ada keraguan (1m) supaya tidak berlaku penganiayaan. (1m)<br>● Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya (1m) seperti kaum keluarga / rakan / adik beradik / jiran tetangga. (1m) | (2 isi x 2m) |
| | (e) | | **Cara menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah. :**<br><br>● Mematuhi peraturan agama (1m) seperti menunaikan solat / menutup aurat. (1m)<br>● Menuntut ilmu yang bermanfaat (1m) seperti ilmu fardu ian / fardu kifayah. (1m)<br>● Mengisi masa dengan perkara berfaedah (1m) seperti membaca / beriadah. (1m) | (1 isi x 2m) |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | ● Memilih rakan yang baik (1m) seperti rakan yang sentiasa berakhlak mulia / ustaz / alim ulamak. (1m)<br><br>**Jawapan munasabah diterima** | |
| 6 | (a) | | **<u>Dua prinsip pergaulan dalam Islam</u> :**<br><br>● Menghormati antara satu sama lain (1m) agar hidup bahagia. (1m)<br>● Bermatlamaatkan keimanan (1m) bagi mendapat keredaan Allah SWT. (1m)<br>● Bekerjasama dalam perkara kebaikan / mencegah kejahatan (1m) agar negara aman. (1m)<br>● Berlandaskan syariat Islam (1m) seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. (1m)<br>● Mengutamakan keamanan / keharmonian (1m) bagi meningkatkan perpaduan dalam negara. (1m)<br>● Memberi panduan berinteraksi berdasarkan ajaran Islam (1m) bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera. (1m) | (2 isi x 2m) |
| | (b) | (i) | **<u>Dua konsep hiburan dalam Islam</u> :**<br><br>● Meliputi aspek iman / akhlak.<br>● Berhibur selari dengan kehendak syariat.<br>● Bertujuan mengagungkan Allah / mendidik jiwa.<br>● Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia.<br>● Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan. | (2 isi x 1m) |
| | | (ii) | **<u>Dua garis panduan berhibur menurut Islam</u> :**<br><br>● Bertujuan untuk perkara kebaikan (1m) agar diredai Allah SWT. (1m)<br>● Bertujuan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT (1m) supaya maruah diri terjaga. (1m)<br>● Program hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa (1m) supaya keselamatan terjamin. (1m)<br>● Memakai pakaian yang sopan / menutup aurat (1m) bagi memelihara iman. (1m)<br>● Tiada pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan (1m) bagi mengelakkan maksiat. (1m)<br>● Lirik lagu yang tidak bercanggah dengan hukum syarak (1m) agar akidah terpelihara. (1m) | (2 isi x 2m) |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<ul>
<li>Gaya persembahan yang tidak mengundang maksiat (1m) untuk mengelakkan dosa. (1m)</li>
<li>Menghormati waktu solat (1m) supaya kewajipan tidak terabai. (1m)</li>
<li>Amanah terhadap wang yang dikumpulkan daripada program tersebut (1m) untuk menggelakkan penyalahgunaan / penyelewengan. (1m)</li>
<li>Memastikan kemudahan awam mencukupi untuk keselesaan hadirin (1m) yang menyertai majlis tersebut. (1m)</li>
</ul>
Jawapan munasabah diterima
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>
<u>Aspek yang terdapat dalam piagam di atas</u> :
<ul>
<li>Kepimpinan negara</li>
<li>Perpaduan</li>
<li>Pengiktirafan kepelbagaian kaum</li>
<li>Keselamatan</li>
<li>Jaminan sosial</li>
<li>Penguatkuasaan undang-undang</li>
<li>Tanggungjawab</li>
<li>Kebebasan mengamalkan agama</li>
<li>Hak asasi manusia</li>
<li>Hubungan luar</li>
</ul>
</td><td>(2 isi x 1m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>
<u>Kesan yang akan berlaku sekiranya rakyat sesebuah negara tidak bersatu padu</u> :
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td><ul><li>Menyatakan satu pandangan sahaja.</li></ul></td><td>1m</td></tr>
<tr><td><ul><li>Menjelaskan pandangan.</li><li>Huraian ringkas.</li></ul></td><td>1m</td></tr>
<tr><td><ul><li>Menghuraikan pandangan.</li><li>Huraian yang lengkap.</li><li>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</li></ul></td><td>1m</td></tr>
<tr><td><ul><li>Menghuraikan pandangan.</li><li>Huraian yang lengkap.</li></ul></td><td>1m</td></tr>
</table>
</td><td>(5m)</td></tr>
</table>

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| No. Soalan | | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | <table><tr><td>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>● Rumusan / kesimpulan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td></td></tr><tr><td>● Menghuraikan pandangan.<br>● Huraian yang lengkap.<br>● Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>● Rumusan / kesimpulan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.<br>● Rumusan / kesimpulan lengkap.</td><td>1m</td></tr></table><br>**Cadangan Jawapan :-**<br>Negara huru-hara (1m) kerana sering bertelagah (1m). Kesannya kebajikan rakyat terabai.(1m). Kesimpulannya kita hendaklah bersatu hati (1m) agar perpecahan dapat dielakkan (1m).<br><br>**Cadangan Isi :-**<br>● Imej negara tercemar.<br>● Pembangunan negara terjejas.<br>● Ekonomi merosot / merudum.<br>● Gejala sosial / Jenayah berleluasa.<br><br>**Jawapan munasabah diterima** | |
| | | | (iii) | **<u>Empat elemen pembentukan negara Islam</u> :**<br><br>● Majlis Syura<br>● Khalifah<br>● Wilayah<br>● Rakyat<br>● Undang-undang<br>● Badan kehakiman<br>● Pentadbiran dan penguatkuasaan | (4 isi x 1m) |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**